

BAHAGIAN IV

PEMBENTANGAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA DAN MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA RAYA NEGERI



BAHAGIAN IV

PEMBENTANGAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA DAN MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA RAYA NEGERI

1. PEMBENTANGAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI DAN PRESTASI KEWANGAN AGENSI SERTA AKTIVITI JABATAN/AGENSI DAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN

Mengikut Fasal (2) Perkara 107 Perlembagaan Persekutuan, Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) mengenai Akaun Kerajaan Negeri yang telah diaudit hendaklah dibentangkan dengan segera di Dewan Undangan Negeri. Selepas pembentangan di Dewan Rakyat, LKAN mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri dan Agensi Negeri serta Pengauditan Pematuhan Jabatan Negeri Tahun 2019 dan LKAN Aktiviti Jabatan/Agensi dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Siri 1 dan 2 Tahun 2019 telah dibentangkan di Dewan Negeri pada 18 November 2021. LKAN mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Johor dan Agensi serta Pengauditan Pematuhan Jabatan Negeri Tahun 2020 dan LKAN Pengurusan Aktiviti Jabatan/Agensi dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Siri 1 Tahun 2020 pula telah dibentangkan di Dewan Negeri pada 19 Jun 2022.

2. MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA RAYA NEGERI

Bagi tempoh 1 Julai 2021 hingga 31 Julai 2022, Jawatankuasa Kira-Kira Raya Negeri tidak bersidang untuk membincangkan Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Aktiviti Jabatan/Agensi Negeri dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri serta Pengauditan Pematuhan Jabatan/Agensi Negeri. Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Aktiviti Jabatan/Agensi Negeri dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri serta Pengauditan Pematuhan Jabatan/Agensi Negeri yang belum dibentangkan adalah seperti dalam **Jadual 1**.

JADUAL 1
LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA YANG BELUM DIBENTANGKAN
DI MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA RAYA NEGERI JOHOR

BIL.	LKAN	SIRI	TARIKH BENTANG DEWAN NEGERI
1.	Aktiviti Jabatan dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri	Tahun 2018 Siri 3	26.11.2020
2.	Pengauditan Pematuhan Jabatan Negeri	Tahun 2019	18.11.2021
3.	Aktiviti Jabatan/Agensi Negeri Johor	Tahun 2019 Siri 1	
4.	Aktiviti Agensi dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri	Tahun 2019 Siri 2	
5.	Pengauditan Pematuhan Jabatan/Agensi	Tahun 2020	19.06.2022
6.	Aktiviti Jabatan/Agensi dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri	Tahun 2020 Siri 1	

Sumber: Jabatan Audit Negara

